0727
U 8966 DEB
MAHATHIR - KAJIAN

JITRA, 27 NOV (BERNAMA) -- KERAJAAN AKAN CUBA MENGATASI MASALAH BANJIR DI BEBERAPA KAWASAN RENDAH YANG KERAP DILANDA BANJIR DI NEGARA INI, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

+KALAU MAMPU KITA AKAN BINA ATAU BUAT SESUATU UNTUK MENGURANGKAN KEMUNGKINAN BANJIR BERLAKU DI KAWASAN-KAWASAN ITU,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA DI RUMAH PESANAI DAERAH KUBANG PASU DI SINI SELEPAS MENINJAU KAWASAN-KAWASAN YANG DILANDA BANJIR DALAM DAERAH ITU HARI INI.

KATANYA, WALAUPUN USAHA-USAHA UNTUK MENGELAKKAN BANJIR BOLEH DIAMBIL OLEH KERAJAAN TETAPI TIDAK ADA JAMINAN YANG BANJIR TIDAK BOLEH BERLAKU SEMULA DI KAWASAN-KAWASAN BERKENAAN.

PERDANA MENTERI BERKATA, BANJIR BESAR YANG BERLAKU SEJAK KIRA-KIRA SEMINGGU LEPAS, BAGAIMANAPUN, MEMBERI PENGAJARAN DAN MAKLUMAT. MISALNYA, AGENSI-AGENSI KERAJAAN DAN PENDUDUK KINI SUDAH TAHU MANA-MANA KAWASAN RENDAH YANG MUDAH DINAIKI AIR. -- LAGI.
2016MST 27 11 88

0728
U 8969 DEB
MAHATHIR - KAJIAN 2 JITRA

BELIAU BERKATA MAKLUMAT LAIN YANG DIDAPATI DARIPADA PENGALAMAN DIDAPATI MENGHADAPI BANJIR BESAR KALI INI IALAH BAHAWA CHANGLOON (DALAM DAERAH KUBANG PASU) DAN ALOR SETAR DILANDAR BANJIR DALAM MASA 24 JAM ATAU 48 JAM SELEPAS BANJIR MELANDA THAILAND SELATAN.

+MAKLUMAT SEPERTI INI MUNGKIN BERGUNA BAGI MENGATUR BANTUAN DENGAN CEPAT APABILA NEGARA MENGHADAPI BANJIR BESAR SEKALI LAGI PADA MASA AKAN DATANG,+ KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENYIFATKAN BANJIR BESAR SEBAGAI PERKARA BIASA YANG KERAP BERULANG SETIAP 40 ATAU 50 TAHUN DI NEGARA INI.

DALAM UCAPANNYA DI BILIK GERAKAN BANJIR DAERAH KUBANG PASU PAGI INI, BELIAU TURUT MENCERITAKAN BAHAWA BELIAU JUGA PERNAH MENGALAMINYA SEMASA TINGGAL DI CHANGLOON DALAM TAHUN 1942.

PERDANA MENTERI MEMUJI DAN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH ATAS TINDAKAN CEKAP DAN SEMPURNA YANG DIAMBIL OLEH PIHAK-PIHAK BERKENAAN TERMASUK JABATAN KERAJAAN DAN PERTUBUHAN SUKARELA SEMASA MENGHADAPI BANJIR KALI INI. -- LAGI.
2030MST 27 11 88

0729
U 8970 DEB
MAHATHIR - KAJIAN 3 JITRA

PADA MAJLIS YANG SAMA ISTERI PERDANA MENTERI, DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH ALI TURUT MENYAMPAIKAN CEK BERNILAI $10,000 KEPADA MENTERI BESAR, DATUK SERI HAJI OSMAN AROFF, YANG MERUPAKAN SUMBANGAN BADAN AMAL DAN KEBAJIKAN ISTERI-ISTERI MENTERI DAN TIMBALAN MENTERI (BAKTI) UNTUK MANGSA BANJIR DI KEDAH.

BELIAU JUGA MENYAMPAIKAN SEKEPING CEK LAGI BERNILAI $3,000 KEPADA PENGARAH JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI, DRS ABDU BAKAR ALIAR, BERUPA BIASISWA SUMBANGAN TAHUNAN BAKTI UNTUK MURID-MURID MISKIN DI NEGERI INI.

BELIAU MENGUMUMKAN SUMBANGAN SEBANYAK $13,000 UNTUK MANGSA BANJIR NEGERI INI DARIPADA SEJUMLAH $100,000 YANG DISUMBANGKAN OLEH YANG DI-PERTUAN AGONG KEPADA TABUNG BENCANA ALAM NEGARA BARU-BARU INI. -- BERNAMA.
2041MST 27 11 88